

TINJAUAN AWAL TERHADAP BENTUK WAKAF PENDIDIKAN YANG TERDAPAT DI SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR) DI MALAYSIA

AN EARLY SURVEY ON THE FORM OF EDUCATION WAQF AVAILABLE IN PEOPLE'S RELIGIOUS SCHOOLS (SAR) IN MALAYSIA

Surita Hartini Mat Hassan¹
Mohd Nasir Ayub²
Sakinatul Raadiyah Abdullah³
Salimah Yahaya⁴
Che Khadijah Hamid⁵
Maziah Mahmud⁶

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia (Email: suritahartini@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia (Email: mnasir251@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah Kampus Sg Petani, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia (Email: sakinatulraadiyah@uitm.edu.my)

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia, Malaysia (Email: salimahyahya@uitm.edu.my)

⁵Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia, Malaysia (Email: chekhadijah@uitm.edu.my)

⁶Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang Kampus Jengka, Lintasan Semarak, Bandar Jengka, 26400 Bandar Tun Razak, Pahang, Malaysia (Email: maziahmahmud@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 15-3-2023
Revised date : 20-3-2023
Accepted date : 1-7-2023
Published date : 20-7-2023

To cite this document:

Mat Hassan, S. H., Ayub, M. N., Abdullah, S. R., Yahaya, S., Hamid, C. K., & Mahmud, M. (2023). Tinjauan Awal Terhadap Bentuk Wakaf Pendidikan yang Terdapat di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 275 - 282.

Abstrak: Wakaf Pendidikan merupakan amalan yang telah diamalkan oleh generasi ulama terdahulu dengan mewakafkan harta mereka kepada institusi pondok dan sekolah agama. Secara umumnya, harta yang diwakafkan kebiasaannya dalam bentuk harta tak alih seperti tanah dan bangunan. Namun kini amalannya mula berkembang dengan melibatkan harta alih seperti wang. Harta yang diwakafkan digunakan bagi tujuan pengurusan, perbelanjaan dan pembinaan institusi pendidikan. Begitu juga dengan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang menerima harta wakaf bagi tujuan pendidikan. Justeru kajian ini bertujuan meneroka bentuk-bentuk wakaf pendidikan yang terdapat di SAR di Malaysia. SAR merupakan sekolah agama yang ditubuh dan dikendalikan oleh masyarakat dari segi pentadbiran, kewangan, pengurusan, sukatan pelajaran dan lain-lain. Kebanyakan SAR tidak menerima dana daripada kerajaan. Oleh sebab itu, SAR menjana pendapatan secara persendirian dan juga menerima bantuan daripada orang ramai termasuklah dalam bentuk wakaf pendidikan. Kajian ini dilakukan secara analisis kandungan terhadap data yang dikumpul melalui penelitian terhadap sumber

sekunder seperti buku, jurnal, majalah dan sebagainya. Hasil kajian dapat memberikan gambaran bentuk-bentuk wakaf pendidikan yang diterima SAR di Malaysia dan mencadangkan kaedah pengurusannya yang terbaik dilaksanakan ke atas harta wakaf pendidikan tersebut.

Kata Kunci: *Wakaf pendidikan, bentuk wakaf pendidikan, Sekolah Agama Rakyat, Malaysia*

Abstract: *Education Waqf is a practice carried out by previous Islamic scholars by means of endowing their assets and properties charitably to hut institutions and religious schools. In general, the assets and properties donated were in the form of non-transferable assets such as lands and buildings. Yet, today, the practice has developed in a way that it also involves transferable assets like money. The assets that have been endowed are used for management, expenses and construction of education institutions. This is similar to the People's Religious Schools (SAR) that receive waqf assets for education purposes. Thus, this study aims to delve into the forms of education waqf available in SAR in Malaysia. SAR refers to religious schools founded and handled by the society in terms of the administration, finance, management, syllabus, and others. Most of the schools do not receive any funding from the government. Therefore, SAR has been generating its income privately and also receives aids from the public, including in the form of education waqf. This study is done in the form of content analysis with reference to the data gathered through an observation on various secondary sources like books, journals, magazines and so on. The study outcome is able to give a clearer picture on the forms of education waqf received by SAR in Malaysia, and it proposes the best management method that is adopted on the education waqf.*

Keywords: *Education waqf, form of education waqf, People's Religious Schools, Malaysia*

Pengenalan

Wakaf pendidikan bukanlah asing dalam kehidupan masyarakat Islam, malah ianya telah dipraktikkan sejak dari awal kedatangan Islam lagi. Ulama dan pendakwah terdahulu telah mewakafkan harta yang dimiliki bagi tujuan pendidikan, contohnya mewakafkan tanah dan juga bangunan untuk dijadikan pondok atau madrasah (Hassan, *et.al*, 2022), seterusnya menjadi platform kepada penyebaran agama Islam. Tujuan dan matlamat utama amalan wakaf ini ialah untuk menunaikan kewajipan dan mendekati diri kepada Allah, dalam masa yang sama memberi manfaat dan kebaikan kepada orang lain.

Di Malaysia, pelaksanaan wakaf pendidikan sudah semakin berkembang ke semua peringkat, terutamanya wakaf yang melibatkan sekolah agama termasuk Sekolah Agama Rakyat (SAR). Pelaksanaan wakaf pendidikan di Malaysia telah melalui fasa perkembangan di mana bermula dengan penubuhan sekolah pondok, ma'had tahfiz, sekolah agama rakyat dan kemudiannya kini wakaf pendidikan tinggi telah mula berkembang di Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia yang ingin mengurangkan kebergantungan pendidikan dengan menggunakan dana kerajaan. Terdapat beberapa buah institusi pendidikan tinggi awam dan swasta telah menubuhkan unit wakaf di institusi pendidikan mereka. Wakaf merupakan salah satu cara yang dapat membantu institusi pengajian tinggi (IPT) dalam menjana pendapatan dan manfaat yang boleh digunakan bagi tujuan peningkatan dan kemajuan pendidikan Negara (Ali, 2014).

Pelbagai bentuk wakaf pendidikan disalurkan demi menjaga pendidikan agama dalam kalangan anak-anak masyarakat Islam misalnya dalam bentuk wang, buku, kitab, perabot dan

sebagainya. Dalam konteks pendidikan, amalan wakaf dapat memenuhi keperluan institusi untuk membiayai pembinaan bangunan akademik, menambah baik infrastruktur dan fasiliti, membiayai kos operasi, memberikan biasiswa kepada pelajar dan sebagainya. Walau bagaimanapun terdapat cabarancabaran yang dihadapi oleh IPT dan ianya menjadi satu halangan untuk menjadikan wakaf sebagai instrumen penting dalam pembangunan sesebuah institusi. Kajian Ismon et, al., (2015) menyatakan kekangan dari aspek kewangan menjadi cabaran utama untuk membangunkan kemudahan atau infrastruktur sesebuah institusi dengan menggunakan dana wakaf sedia ada yang telah disumbangkan

Wakaf pendidikan melibatkan harta tak dan harta alih. Kedua-dua bentuk harta wakaf mempunyai potensi yang tersendiri untuk dikembangkan agar dapat dijadikan sebagai sumber pembiayaan untuk menampung perbelanjaan mengurus dan mentadbir SAR. Justeru kajian ini bermatlamat untuk meneliti bentuk wakaf pendidikan yang terdapat di SAR. Dalam masa yang mencadangkan urus tadbir yang boleh dilaksanakan ke atas harta wakaf pendidikan tersebut agar terjamin kelestarian manfaatnya.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kaedah pengumpulan data yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah melibatkan pengumpulan data daripada sumber dokumen (sumber sekunder). Data-data dikumpul berdasarkan penelitian terhadap buku, jurnal, artikel, majalah dan sebagainya yang ada perbincangan berkaitan wakaf, wakaf pendidikan dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Penganalisan data pula dianalisis secara analisis kandungan. Data yang dikumpul dari sumber sekunder dikelompokkan mengikut tema-tema tertentu dan dikodkan mengikut kumpulan tertentu bagi memudahkan proses melihat hasil kajian. Tema terhasil berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang dikemudiannya dikodkan mengikut kumpulan tertentu berdasarkan objektif kajian.

Sorotan Literatur

Pendidikan telah mula dibiayai oleh wakaf menerusi sumbangan sukarela daripada masyarakat bermula awal abad ke-7 lagi iaitu ketika zaman permulaan Islam. Antara contoh sekolah-sekolah yang dibiayai oleh Pendidikan wakaf ketika zaman tersebut ialah Wakaf Ayubites dan Wakaf Mamalik di Palestin, Syiria, Lubnan dan Mesir. Justeru, wakaf tradisional ini telah memberikan peranan yang cukup besar dalam menyediakan keperluan pendidikan kepada masyarakat ketika zaman kegemilangan Islam tersebut (Mustaffa dan Muda, 2014).

Selain itu, ketika era Khilafah Abbasiyah yang berpusat di Iraq (750 hingga 1268 masihi) sedang berkembang maju, sebuah pusat Pendidikan yang begitu tersohor iaitu dikenali sebagai Madrasah Nizamiyah telah dibangunkan hasil dari dana wakaf. Pelajar di madrasah ini tidak dikenakan sebarang yuran pengajian atau penginapan, malahan makan dan minum juga diberikan percuma sepenuhnya. Pelajar di madrasah ini turut disediakan biasiswa dan wang suguhati tambahan untuk menampung kehidupan mereka di Kota Baghdad (Ismail, et al., 2015).

Di Malaysia, pelaksanaan wakaf pendidikan sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat terutamanya melibatkan sekolah agama termasuk SAR. Kajian yang membincangkan berkaitan wakaf pendidikan di SAR telah dilakukan oleh Ismail & Sulong (2017) yang menjelaskan bahawa wakaf pendidikan yang dilaksanakan di SAR turut melibatkan sekolah agama lain seperti Sekolah Agama Negeri (SAN), madrasah dan pondok yang mana pendekatan wakaf pendidikan ini secara tidak langsung telah wujud namun pengaplikasian kaedah adalah masih

tertumpu kepada konsep yang lebih tradisional. Sistem pendidikan yang diaplikasikan oleh SAR menjerus kepada pendidikan Islam sekaligus turut diperakui oleh kajian Rani et al. (2017) yang menjelaskan bahawa pendidikan di sekolah agama termasuk sistem pendidikan melalui SAR telah menghasilkan cendekiawan Islam yang bermutu tinggi. Cantuman pendidikan Islam yang kuat daripada sistem pendidikan Islam di SAR ini secara tidak langsung telah mengukuhkan wakaf pendidikan yang dilaksanakan dalam pengurusan pendidikan di sekolah beraliran tersebut. Medium wakaf pendidikan yang telah wujud di SAR secara tidak langsung telah memberikan impak yang positif khususnya dalam lontaran pendidikan Islam di Malaysia (Ariffin et. al, 2022).

Pelaksanaan wakaf pendidikan SAR meliputi beberapa pendekatan kaedah wakaf yang telah digunakan dalam memastikan wakaf pendidikan dapat dilaksanakan dengan baik. Menurut kajian yang dilakukan oleh Zarqa (1994), Yusof dan Bahari (1999), Mahamood (2006) dan Manat (2007) telah menjelaskan bahawa keutamaan wakaf pendidikan yang dilaksanakan dalam pelaksanaan SAR adalah lebih memfokuskan kepada aspek tadbir urus yang meliputi pengurusan dana dalam proses menampung keseluruhan perbelanjaan untuk keperluan di SAR. Usaha pihak pentadbir perlu merancang strategi untuk menambah dana bagi menampung kekurangan dana perbelanjaan di SAR telah dilaksanakan dengan kaedah wakaf secara wang tunai yang menjerus kepada pelaksanaan *ijarah* atau sewaan dan pajakan ke atas wakaf pendidikan yang ada terutamanya tanah dan bangunan.

Hal ini selari dengan dapatan kajian daripada Ayub et al., (2020) yang menjelaskan bentuk wakaf pendidikan yang kebiasaannya diterima di SAR ialah tanah, bangunan, masjid, buku, al-Quran dan sebagainya dan pendekatan kaedah *ijarah* turut dilaksanakan meliputi kaedah sewaan dan pajakan bangunan, dewan, padang dan sebagainya. Melalui kaedah tersebut dapat menjana hasil bagi menampung pembiayaan mengurus dan mentadbir SAR. Justeru, dalam memastikan pentadbiran SAR terus relevan, pendekatan wakaf pendidikan sekaligus menjadi medium yang mampu menguatkan organisasi pengurusan dan pentadbiran SAR selari dengan kajian Ramly (1998) yang mengetengahkan kedudukan wakaf dalam pendidikan dapat dijadikan pembiayaan pendidikan dan dapat mengurangkan masalah keciciran pelajar terutamanya di sekolah agama.

Dapatan Dan Hasil Kajian

Sejarah Urus Tadbir dan Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Umumnya pentadbiran wakaf di Malaysia dibawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Wakaf pendidikan bukanlah perkara baru dalam kehidupan masyarakat Islam, malah ianya telah dipraktikkan di awal kedatangan Islam lagi. Ulama dan pendakwah dari zaman dahulu lagi telah mewakafkan harta yang dimiliki bagi tujuan pendidikan. Misalnya mereka mewakafkan tanah dan juga bangunan untuk dijadikan pondok atau madrasah bagi tujuan pengajian agama Islam. Dalam masa yang sama agama Islam dapat disebarakan secara meluas melalui institusi pendidikan yang di tubuhkan.

Wakaf Pendidikan merujuk kepada satu bentuk amalan wakaf yang mana harta yang diwakafkan adalah untuk tujuan pendidikan semata-mata. Wakaf Pendidikan lahir ekoran kos pembiayaan Pendidikan terutamanya di peringkat pengajian tinggi yang semakin meningkat. Wakaf Pendidikan ini merupakan mekanisme pembiayaan yang dapat dijadikan sebagai sumber kewangan bagi institusi Pendidikan termasuklah Sekolah Agama Rakyat (SAR).

SAR merupakan sebahagian daripada sekolah agama yang terdapat di Malaysia. SAR merupakan sekolah agama yang dibina, ditadbir dan diuruskan sepenuhnya oleh rakyat tanpa melibatkan pihak kerajaan melalui pentadbiran lembaga atau guru yang merupakan pengasas sekolah tersebut (Ismail & Sulong, 2017). Jadual 1 menunjukkan antara contoh SAR yang terawal ditubuhkan di Malaysia.

Jadual 1: Senarai SAR Terawal yang Dibina Di Malaysia

Nama SAR	Pengasas	Tahun
1. Madrasah al-Attas di Pahang (Sekolah Menengah Agama Al-Attas)	Syed Hasan bin Ahmad al-Attas	1860
2. Sekolah Agama Arab Al-Masriyah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Tuan Guru Hj Salleh Al-Masri	1906
3. Madrasah Kahiriah Islamiah, Pokok Sena, Kepala Batas, Pulau Pinang	Tuan Hj Husain Mohd Nasir Al-Masudi	1936
4. Madrasah Masyhor al-Islamiyyah	Syed Syeikh al-Hadi	1916
5. Maahad al-Ihya al-Syarif Gunung Semanggol	Syeikh Abu Bakar al-Baqir	1934
6. Maahad al-Yahyawiyah, Padang Rengas	Syeikh Juned Tola	1927

Sumber: Analisis Penyelidik Daripada Sumber Sekunder

Jadual 1 memaparkan tentang senarai antara SAR terawal dibina di Malaysia. Pertama ialah Madrasah al-Attas terletak di negeri Pahang yang kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama al-Attas. Sekolah ini diasaskan oleh Syed Hasan bin Ahmad al-Attas pada tahun 1806. Beliau telah mewakafkan tanah untuk dibina madrasah dan dijadikan sebagai tempat pengajian ilmu agama. Seterusnya SAR terawal di Pulau Pinang ialah Sekolah Agama Arab al-Masriyah di Bukit Mertajam diasaskan oleh Tuan Guru Hj Salleh al-Masri pada tahun 1906; Madrasah Kahiriah Islamiah, Pokok Sena, Kepala Batas diasaskan oleh Tuan Haji Husain Mohd Nasir al-Masudi pada tahun 1936; dan Madrasah Masyhor al-Islamiyah yang diasaskan oleh Syed syeikh al-Hadi pada tahun 1916. Kemudian pada tahun 1934 tertubuhnya Maahad al-Ihya al-Syarif Gunung Semanggol oleh Syeikh Abu Bakar al-Baqir dan pada tahun 1927 tertubuhnya SAR yang diasaskan oleh Syeikh Juned Tola iaitu Maahad al-Yahyawiyah, Padang Rengas.

Selain SAR yang dipaparkan dalam Jadual 1, terdapat banyak lagi SAR yang telah ditubuhkan di Malaysia. Peringkat awal penubuhan SAR kuasa pentadbiran tertakluk di bawah Jemaah atau Lembaga Pengurusan Sekolah dan bukan dibawah bidang kuasa Kerajaan negeri mahupun persekutuan. Namun pada tahun 1965 dan 1977 wujud satu usaha untuk mengambil alih kuasa mentadbir SAR oleh kerajaan persekutuan. Pengambilalihan kuasa ini telah mewujudkan pelbagai konflik kerana kerajaan telah menjadikan sekolah tersebut seperti mana sekolah kerajaan yang lain. Keadaan ini menyebabkan matlamat sebenar SAR tidak tercapai. Begitu juga dengan tindakan kerajaan mendaftarkan SAR kepada SABK telah mewujudkan dilema kepada pihak negeri dan juga pengusaha SAR. Berdasarkan kajian Umar dan Hussin (2012) mendapati pihak berkuasa agama negeri mula merasai kehilangan kekuatan untuk mengurus tadbir SAR. Hal ini timbul ekoran kekeliruan terhadap mekanisme pendaftaran, perundangan dan memorandum persefahaman yang kerap berubah, kurang tegas terhadap enakmen yang digunakan dan pengaruh birokrasi. Walaupun sebahagiannya telah bertukar menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) namun masih ada yang berstatus SAR. Bilangan SAR di setiap Negeri di Malaysia ditunjukkan dalam dalam Jadual 2.

Jadual 2: Bilangan SAR Yang Terdapat Di Setiap Negeri Di Malaysia

Negeri	Bilangan SAR
Kuala Lumpur	TIADA
Selangor	19
Pahang	18
Johor	27
Kelantan	13
Kedah	29
Perak	40
Melaka	1
Negeri Sembilan	1
Perlis	4
Penang	18
Terengganu	TIADA
Sarawak	1
Sabah	3

Sumber: Ahmad Zaki et al, 2006 & Azizi Umar dan Supyan Hussin, 2012

Jadual 2 menunjukkan bilangan SAR yang terdapat di setiap negeri di Malaysia. Negeri Perak mempunyai bilangan SAR yang paling banyak iaitu 40 buah, diikuti Negeri Kedah iaitu sebanyak 29 buah, kemudian negeri Johor sebanyak 27 buah SAR. Negeri paling sedikit ialah Melaka, negeri sembilan dan sarawak yang masing-masing mempunyai sebuah SAR sahaja. Manakala Kuala Lumpur dan Terengganu tiada SAR.

Berdasarkan jumlah SAR di atas jelas memperlihatkan kerelevanan SAR di mata masyarakat dalam usaha menghidupkan semula subjek-subjek agama Islam yang sebenar berasaskan kitab-kitab ulama silam. Justeru usaha yang perlu dilakukan supaya SAR dapat bergerak seiring dengan sekolah-sekolah lain dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Dalam masa yang sama dapat memperkasakan lagi amalan wakaf dalam kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Bentuk Wakaf Pendidikan di Sekolah Agama Rakyat

Wakaf pendidikan di SAR diperoleh dalam bentuk harta alih dan juga harta tak alih. Harta alih melibatkan harta kekal seperti tanah dan bangunan. Harta tak alih pula seperti wang tunai, buku, al-quran dan sebagainya. Perkara ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Senarai Bentuk Wakaf Pendidikan SAR

Bentuk Wakaf Pendidikan	Kategori		Kaedah Penerimaan/Kutipan
	Harta Alih	Harta Tak Alih	
Tanah		√	<ul style="list-style-type: none"> • Pewakafan daripada pengasas, rakyat • Menawarkan wakaf kaki/lot ke atas sesebuah tapak tanah untuk dijadikan wakaf pendidikan
Bangunan		√	<ul style="list-style-type: none"> • Pewakafan daripada pengasas, rakyat • Belian hasil daripada kutipan wakaf tunai

Buku/Kitab	√	<ul style="list-style-type: none"> • Pewakafan daripada pengasas, rakyat • Menawarkan wakaf al-Quran/Kitab
Peralatan Pembelajaran/ Kemudahan asas	√	<ul style="list-style-type: none"> • Pewakafan daripada pengasas, rakyat • Menawarkan wakaf perabot/peralatan
Wang	√	<ul style="list-style-type: none"> • Pewakafan daripada pengasas, rakyat • Kutipan wakaf wang tunai • Sewaan/Pajakan

Sumber: Analisis Penyelidik Berdasarkan Data Yang Diperoleh Daripada Sumber Sekunder

Jadual 3 menunjukkan bentuk wakaf pendidikan yang terdapat di SAR. Berdasarkan Jadual 3 terdapat dua jenis harta wakaf iaitu harta alih dan tak alih. Harta tak alih seperti tanah dan bangunan kebiasaannya diwakafkan oleh pengasas SAR itu sendiri. Sebagai contoh madrasah al-Attas di Pahang, tanah yang menjadikan tapak bangunan sekolah diwakafkan oleh pengasasnya sendiri iaitu Syed Hasan bin Ahmad al-Attas. Selain menerima dana daripada pengasas SAR, bangunan sekolah juga dibina menggunakan dana daripada wakaf wang samada dikutip secara wakaf tunai (*cash waqf*) atau wakaf bahan binaan, wakaf kaki, wakaf lot dan sebagainya. Dana tersebut dikumpul kemudian ditukarkan kepada harta kekal secara *badal*. Harta wakaf pendidikan dalam bentuk harta tak alih pula melibatkan pewakafan buku-buku akademik dan juga kitab-kitab yang digunakan untuk pembelajaran. Kebiasaannya diperoleh melalui kutipan wakaf daripada masyarakat. Begitu juga dengan pewakafan peralatan pembelajaran seperti kerusi, meja dan kemudahan asas yang lain. Wakaf wang pula merujuk kepada pewakafan menggunakan wang tunai bagi tujuan pendidikan semata-mata. Kutipan wakaf wang dikumpul kemudian ditukar kepada harta alih seperti dan bangunan. Selain berwakaf menggunakan wang, penawaran wakaf lot dan wakaf kaki juga tergolong dalam wakaf secara tunai.

Berdasarkan penelitian, walaupun setiap SAR mempunyai dana wakaf pendidikan yang banyak, namun dimanfaatkan hanya untuk kegunaan sahaja tanpa ada sebarang pengembangan terhadap harta tersebut. Sedangkan jika diteliti pada kajian-kajian lepas terdapat SAR yang berjaya menjadikan wakaf pendidikan sebagai sumber pembiayaan dalam mengurus hal ehwal berkaitan pendidikan di SAR. Oleh sebab itu, pentadbir SAR perlu lebih pro aktif menjana pendapatan menggunakan wakaf pendidikan sebagai contoh melaburkan dana wakaf secara patuh syariah seperti membeli atau membina bangunan kemudian disewa atau dipajak. Hasil sewaan atau pajakan tersebut boleh digunakan untuk pengurusan dan pengembangan harta-harta wakaf pendidikan yang lain.

Justeru, pihak pengusaha SAR perlu mendapatkan kerjasama dari semua pihak terutamanya kerajaan dan badan korporat agar dapat membantu dalam usaha mengembangkan harta wakaf pendidikan.

Kesimpulan

SAR merupakan sekolah agama yang menyediakan pembelajaran ilmu agama sebenar dan berpotensi melahirkan insan yang dapat menyumbang kepada kemakmuran dan pembangunan sosio-ekonomi negara. Namun cabaran kewangan yang menghimpit kelangsungan penubuhan SAR. Oleh itu, lembaga pentadbir SAR perlu lebih proaktif supaya SAR terus kekal sebagai institusi pendidikan tersohor di Malaysia. SAR mempunyai harta wakaf pendidikan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber pembiayaan pengurusan SAR serta hal-hal berkaitan penyediaan kemudahan kepada pelajar. Harta wakaf pendidikan seperti tanah dan

bangunan boleh dijadikan sumber pembiayaan melalui sewaan atau pajakan. Kutipan sewaan dan pajakan boleh digunakan untuk melabur kepada aset-aset kekal seperti ladang kelapa sawit yang dapat menjana pendapatan. Dengan ini, dapat mengurangkan bebanan kewangan pengusaha dan dapat menjamin kelangsungan SAR untuk terus melahirkan generasi yang bersahsiah.

Rujukan

- Ali, S.Z & Wahid, H. (2014). Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. PROSIDING PERKEM ke-9 (2014) 216 - 225 ISSN: 2231- 962X.
- Ariffin, M. F. N. (2022). Sinergi Wakaf, Pendidikan dan Teknologi di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7(2), 43-53.
- Ayub, M. N., Hassan, S. H. M., Noordin, N., & Sawal, M. Z. H. M. (2020). Aplikasi Ijarah ke Arah Melestarikan Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR): Kajian di Pulau Pinang, Perlis Dan Kedah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 69.
- Hassan, S. H. M., Ayub, M. N., Che Khadijah Hamid, Sakinatul Raadiyah Abdullah, Salimah Yahaya, Farahdina Fazial (2022). Tadbir Urus Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*; Vol. 13. 2022; 108-112
- Ismail, A. & Sulong, J. (2017). Management's method of cash waqf in Folk's Religious Schools (SAR). Dlm. *Prosiding Persidangan Serantau Fiqh Harta dan Masyarakat Wassatiy 2017*, hlm. 365-371.
- Ismail, M., Deni, M.I.M & Sulaiman, M. (2015). Perkembangan Wakaf Pendidikan di Malaysia. *Proceeding of The International Conference on Waqf 2015*, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu, Terengganu.
- Ismo N.Y., Ramli, R., Dahalan, N.F., Romli, S. & Hashim, R. (2015). Mekanisme Wakaf Sebagai Instrumen Pendidikan Tinggi Swasta. Kajian Kes Kolej Universiti Islam Melaka. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Meja Bulat Wakaf Pendidikan Tinggi. Anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam. 12 Februari 2015 di UiTM Shah Alam
- Mahamod, S.M. (2006). *Waqf in Malaysia: Legal and administrative perspectives*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya
- Mustaffa, N. & Muda, M.Z. (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol.1(1), 45-57.
- Ramly, M.J. (1998). Kajian ke atas wakaf bagi tujuan pendidikan untuk memenuhi permintaan sekolah agama bersepadu di Johor Bharu (Kertas projek sarjana muda tidak diterbitkan). Johor: Universiti Teknologi Malaysia. <http://ijms.uum.edu.my/>
- Rani, M.M.A., Sayin, B., Khalid, M.M., Bhari, A. & Yaakub, M.A.Z. (2017a). *Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia: Konsep dan Asas*. Shah Alam, Selangor: Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Yusof, N.N.M.Z & Bahari, A. (1999). Kedudukan dan potensi pembangunan hartanah waqf di Malaysia: satu penilaian dlm. Hassan, N.N.M (Ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Waqf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Zarqa, M.A. (1994). Financing and investment in awqaf projects: a non technical introduction. *Islamic Economic Studies Journal*, 1(2). Diakses dari <http://www.irti.org/English/Research/Documents/IES/155.pdf>.